

## Sebanyak 79,714 Pengguna Mendapat Manfaat 1MTC Setakat Ini - MAMPU

**KUALA LUMPUR**, 23 Mei (Bernama) -- Sehingga bulan ini, seramai 79,714 pengguna telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dengan hanya melayari portal [www.1mtc.gov.my](http://www.1mtc.gov.my) untuk tempahan, maklumat dan pertanyaan.

1MTC merupakan satu daripada inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diwujudkan bagi mengoptimumkan penggunaan Institusi Latihan Awam (ILA) kepada rakyat.

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Datuk Seri Zainal Rahim Seman dalam satu kenyataan berkata sehingga kini, terdapat 343 buah ILA di seluruh Malaysia yang menawarkan kemudahan serta bilik penginapan yang boleh ditempah oleh orang awam, sektor swasta, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).....